

Headline	Tabung Haji sedia urus logistik 10,000 jemaah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	21	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,855



Tabung Haji sedia urus logistik 10,000 jemaah

SHAH ALAM 12 Mac - Lemba baga Tabung Haji (Tabung Haji) sudah bersedia sepenuhnya dari aspek logistik sekiranya Kerajaan Arab Saudi meluluskan permohonan Malaysia untuk menambah 10,000 kuota jemaah haji untuk tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, meskipun belum ada perkembangan positif daripada Kerajaan Arab Saudi berhubung permohonan tersebut, Tabung Haji tetap membuat persiapan bagi menguruskannya.

"Tabung Haji sudah menyediakan tempat, proses penerbangan dan tenaga kerja untuk menguruskan jumlah jemaah yang baharu.

"Sebaik sahaja lulus permohonan tambahan 10,000 jemaah, kita sudah bersedia sepenuhnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pekerja selepas

menutup Persidangan Imam-imam Besar Masjid Negeri peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ahmad Zaharin Mohd. Saad.

Malaysia telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Arab Saudi untuk menambah 10,000 kuota jemaah haji bagi tahun ini.

Permohonan dibuat selepas Arab Saudi mengekal kuota sebanyak 22,320 orang iaitu sama seperti tahun lepas berbanding kuota asal iaitu 27,900.

Pengurangan 20 peratus kuota haji kepada semua negara diputuskan oleh kerajaan negara tersebut berikutan kerja-kerja pembesaran kawasan di sekitar Masjidil Haram di Mekah.



JAMIL Khir Baharom beramah mesra bersama Imam-imam besar selepas merasmikan Persidangan Imam Besar Peringkat Kebangsaan Tahun 2014 di sebuah hotel di Shah Alam, semalam.